

23/10/1999

Karpal diminta kemuka prosiding hina mahkamah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Hakim Datuk Ariffin Jaka berkata, peguam Karpal Singh sepatutnya mengambil tindakan menghina mahkamah terhadap mereka yang didakwa membuat kenyataan berhubung perbicaraan kes liwat.

Beliau berkata, jika Karpal benar ingin menjaga imej dan keutuhan mahkamah, mengapa beliau tidak mengambil langkah positif dengan mengemukakan permohonan menghina mahkamah terhadap mereka yang terbabit.

"Teruskan dan ambil tindakan prosiding menghina mahkamah terhadap sesiapa sahaja termasuk PM (Perdana Menteri) - buktikan tuduhan itu dan ikut prosedur," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mendengar hujah Karpal berhubung laporan akhbar dan televisyen mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang masih membuat kenyataan perbicaraan kes liwat itu.

Karpal menarik perhatian mahkamah bahawa Dr Mahathir sekali lagi membuat kenyataan mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang terbabit dalam hubungan sejenis.

Ariffin berkata, ahli politik berhak untuk membuat kenyataan yang mereka fikirkan betul mengikut pendapat politik mereka.

Bagaimanapun, katanya, jika mereka membuat kenyataan yang dianggap boleh menghina mahkamah, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap mereka.

Katanya, beliau tidak boleh menghalang ahli politik itu menggunakan pentas politik bagi membuat kenyataan.

"Karpal sendiri boleh mengambil tindakan yang perlu dengan cara undang-undang atau pentas lain atau korum lain yang beliau fikirkan sesuai kerana beliau sendiri ahli politik.

"Mahkamah ini tidak boleh dan tidak patut terbabit dengan ucapan politik yang dibuat di luar mahkamah. Tidak gunanya memberi banyak kali pemerhatian.

"Saya masih bertegas bahawa sesiapa saja yang membuat kenyataan berunsur menghina mahkamah, mereka akan menerima padahnya mengikut undang-undang yang ada dan permohonan mengikut peraturan boleh dibuat," katanya.

Sebelum itu, Karpal memberitahu mahkamah Dr Mahathir tidak menghormati mahkamah kerana masih membuat kenyataan mengenai perbicaraan itu walaupun ditegah berbuat demikian.

Katanya, Dr Mahathir boleh memberi keterangan di mahkamah dan bukan membuat kenyataan di luar mahkamah.

Sehubungan itu, beliau memohon kepada Ariffin supaya menasihatkan Dr Mahathir supaya tidak membuat kenyataan lagi mengenai perbicaraan itu.

Pada ketika ini, orang ramai kedengaran ketawa sehingga menyebabkan Ariffin membuat kenyataan: Nampaknya orang ramai suka dengan kenyataan awak, mereka menunggu kenyataan seumpama ini.

Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah berkata Karpal masih menggunakan keistimewaan mahkamah untuk membuat aduan itu walaupun mahkamah sudah beberapa menasihatkannya membuat permohonan rasmi.

Katanya, Karpal perlu bertanggungjawab terhadap aduan itu dan membuat laporan polis bagi menyokong aduannya itu.

Bagaimanapun, katanya, sehingga pagi ini Karpal masih belum mengemukakan sebarang permohonan untuk membuktikan aduannya itu.

"Tadi, Karpal kata beliau bertindak atas asas undang-undang, jadikan buktikan apa yang dicakup itu, bertindak berasaskan undang-undang, buat laporan polis dan buat permohonan.

"Jangan bercakap kosong saja dan menggunakan keistimewaan mahkamah untuk

bertindak bukan berasaskan undang-undang, ada tempat yang sesuai, sesiapa yang cabar beliau, lawan balik," katanya.
(END)